



Praktis Ekstra

Tema 6

PBD

Kemahiran Menulis SP 3.2.1

Baca wawancara di bawah ini, kemudian buat ramalan dengan justifikasi yang sesuai.



Tingkat Kesedaran, Tanggungjawab Pulihara Alam Sekitar

Pendedahan mengenai Sungai Kim Kim kembali tercemar telah menimbulkan persoalan sejauh mana sungai di negara ini akan terus menjadi mangsa kerakusan manusia dan berterusan dicemari oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Soalan: Mengapakah kes pencemaran sungai berulang walaupun adanya tindakan dan penguatkuasaan diambil seperti di Sungai Selangor, Sungai Langat, dan yang terbaharu di Sungai Kim-Kim?

Jawapan: Pencemaran sungai amnya berpunca daripada pelbagai sumber. Antaranya air larian daripada penggunaan tanah pertanian, pembuangan sisa pepejal, aktiviti penternakan, perlombongan, pengorekan pasir, dan air buangan dari pasar. Selain itu, terdapat juga pencemaran yang berpunca daripada loji rawatan kumbahan dan pelepasan sisa perindustrian. Kewujudan kilang haram serta kawasan perumahan setinggian di kawasan rizab sungai serta pertambahan penduduk juga antara faktor penyumbang kemerosotan kualiti air sungai. Penguatkuasaan sahaja tidak cukup dalam memastikan kes pencemaran sungai tidak berulang. Pihak berkepentingan dari sektor pertanian, perladangan, penternakan dan perikanan, pembalakan, selain industri serta penggerak projek perlu mempunyai kesedaran alam sekitar yang tinggi. Selain itu, setiap tindakan yang diambil perlulah mengambil kira elemen kelestarian alam sekitar dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata. Pertubuhan bukan kerajaan dan persatuan penduduk atau masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam usaha membanteras pencemaran sungai. Dari segi penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974), JAS terus mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap punca pencemaran tertakluk kepada perundangan.

Soalan: Siapakah yang perlu dipersalahkan dalam kes pencemaran sungai terus berulang?

Jawapan: Pencemaran sungai terus berlaku disebabkan beberapa faktor termasuk kurang kesedaran awam dalam kalangan masyarakat dan mereka masih menganggap sungai tempat membuang sampah, kumbahan, serta bahan organik tumbuhan atau haiwan. Peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan sungai pula tidak dihormati dan dipantau. Manakala pembangunan di kawasan sungai tidak dirancang dengan baik dan pembangunan lama tidak dinaik taraf sesuai dengan perubahan masa dan teknologi. Oleh itu, semua pihak harus memainkan peranan masing-masing untuk mengelakkan pencemaran sungai ini terus berulang.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021>

